

FAQ JAWATANKUASA LATIHAN PEMBANGUNAN STAF

1. Adakah kursus yang dianjurkan kolej-kolej matrikulasi lain dianggap KKL (Kehadiran Kursus Luar)?

Jawapan: Tidak. KKL merujuk kepada kursus anjuran agensi luar KPM dan agensi ini tidak menggunakan SPLKPM.

2. Siapakah yang memuatnaik kehadiran kursus saya ke SPLKPM jika saya berkursus di BMKPM?

Jawapan: Pihak penganjur kursus di BMKPM yang memuatnaik kehadiran ke dalam SPLKPM.

3. Apakah jenis LDP (Latihan Dalam Perkhidmatan) yang tidak memerlukan analisa kursus?

Jawapan: LDP seperti Taklimat, Ceramah, Perjumpaan dengan Ketua Jabatan, Sesi Perkongsian Ilmu (ID), dan Lawatan.

4. Bolehkah saya membuat EPSA online cukup untuk 7 hari berkursus dan setelah itu tidak lagi menghadiri mana-mana kursus anjuran kolej?

Jawapan: Boleh membuat EPSA online tetapi tuan/puan masih perlu menghadiri kursus peringkat kolej jika kursus itu mewajibkan kehadiran tuan/puan.

5. Bolehkah saya menggunakan software seperti SPSS untuk analisa kursus dan menggunakan Borang Analisa ciptaan sendiri?

Jawapan: Boleh menggunakan cara manual, Excell ataupun SPSS untuk membuat analisa kursus tetapi Tidak Boleh mencipta borang analisa kursus. Ini adalah kerana ianya Dokumen yang di ISOkan.

6. Perlukah saya melengkapkan 7 hari berkursus setahun?

Jawapan: Tuan/Puan perlu melengkapkan bilangan hari berkursus seperti dinyatakan dalam surat siaran KSU/Pekeliling JPA kerana ini melibatkan Dasar yang telah ditetapkan untuk penjawat awam bertujuan menambah ilmu dan meningkatkan profesionalisma.

7. Perlukah seseorang yang mendapat kebenaran cuti sakit bagi tempoh masa setahun mencukupkan bilangan hari berkursusnya?

Jawapan: Tidak perlu. Sistem akan merekodkan beliau sebagai “Tidak Aktif”.

8. Adakah alternative lain untuk berkursus selain daripada EPSA online?

Jawapan: Ada. Tuan/puan boleh membuat Ulasan buku atau Book Review dan Sesi Perkongsian Ilmu, Mentor-mentee, Coaching. Misalnya, satu Ulasan buku bersamaan 1 hari berkursus. Walaubagaimanapun, kaedah ini tertakluk kepada gred dan tempoh masa tidak cukup hari berkursus tuan/puan.

Sekiranya hingga 1 Oktober masih tidak cukup bilangan hari berkursus barulah kaedah alternative berkursus digunapakai.

Gred 17-54 Ulasan buku tanpa pembentangan

Gred 17 ke bawah Pembentangan pembacaan buku tanpa penulisan dan sesi perkongsian ilmu/pengalaman kerja (10-15 minit)